



---

PRESS RELEASE

For Immediate Release

---

## Terokai keseronokan bersama CoComelon tinggi di atas awan di Resorts World Genting

**Genting Highlands, 16 Februari 2023** – Rancangan hiburan #1 yang paling banyak ditonton di Youtube dan global kids' sensation, CoComelon akhirnya tiba di Resort kami! Pengembaraan yang menarik bersama JJ dan Cody menanti kanak-kanak berumur 6 tahun ke bawah mulai sekarang hingga 31 Mac 2023, di Resorts World Genting (RWG) yang mempersembahkan dunia CoComelon yang sangat popular dan menghiburkan.

*Pengalaman Cocomelon di RWG* telah dilancarkan di Kimhua Atrium, SkyAvenue di tengah-tengah kemeriahan hari ini dengan pelancaran perarakan bas CoComelon yang pertama di mana kanak-kanak boleh bertemu dengan JJ dan Cody! Sebagai jenama hiburan kanak-kanak paling popular di YouTube, CoComelon memperoleh berbilion-bilion tontonan bulanan dan mempunyai lebih 175 juta pelanggan. Jenama itu juga merupakan peneraju abadi pada platform penstriman utama seperti Amazon, Spotify, Apple Music, Roku dan Netflix.

“Kami sememangnya berbesar hati menjadi pusat peranginan pertama di Malaysia yang menjadi tuan rumah francais yang sedang trend dan terkenal ini sambil mengiktiraf popularitinya yang besar dan sumbangan penting kepada pembangunan awal kanak-kanak,” kata Aaron Soo, Naib Presiden Kanan Tarikan & Penyewaan, Resorts World Genting.

“Sebagai taman tema terkemuka dalam dunia tarikan dan hiburan bertaraf dunia, kami sentiasa menyasarkan untuk menggembirakan pelanggan kami dengan pengalaman luar biasa yang tak terlupa,” katanya.

Beliau menambah, peminat CoComelon akan mempunyai masa yang hebat menerokai pelbagai jenis keunikan yang tidak pernah dilihat atau dialami sebelum secara global di Kimhua Atrium yang ikonik di RWG.

Sebagai permulaan, ramai yang akan kagum kerana replika JJ gergasi setinggi 8 meter yang terletak di taman permainan CoComelon yang pastinya akan menangkap imaginasi pengunjung! Terletak di antara tarikan-tarikan lain yang menyeronokkan seperti CoComelon inflatable slide, climbing inflatable dan hexagon maze, replika gergasi yang menarik ini adalah layak- Instagram. Ia digelar sebagai CoComelon JJ inflatable yang Terbesar di Dunia. Tarikan ini pasti akan mendapat banyak ketikan kamera telefon untuk menyimpan memori taman permainan ini yang tidak dapat ditiru.

Satu lagi yang mesti lihat ialah perarakan bas CoComelon pertama di Dunia lengkap dengan penampilan JJ dan Cody sendiri! Kanak-kanak boleh menyertai perarakan dan buat pertama kalinya di Malaysia, peminat akan mendapat peluang untuk bertemu dengan watak CoComelon, yang dikasihi, JJ dan Cody. Anak-anak kecil pasti akan terpesona dengan peluang berinteraksi dengan JJ dan rakan baiknya! Kelucuan yang berlebihan adalah salah satu tarikan utama Pengalaman Bersama CoComelon di RWG.

Bas CoComelon yang penuh dengan kegemilangan boleh dilihat pada 16 hingga 28 Februari, 1 hingga 12 Mac, 17 hingga 19 Mac dan 24 hingga 26 Mac ketika ia melalui laluan dari Kimhwa Atrium ke Times Square Stage pada pukul 12 tengahari, 4 petang dan 7 malam; dan dari Times Square Stage ke Kimhwa Atrium pada 2:30 petang, 5:30 petang dan 9:00 malam.

Akhir sekali, jangan ketinggalan menyaksikan pesta audio-visual dan grafik gerakan yang meriah dan mengasyikkan iaitu rancangan CoComelon pada panel LED 360 darjah di SkySymphony dari 10 pagi setiap hari. Pengunjung boleh menyimpan dan memperingati perjalanan mereka dengan pelbagai jenis barangan CoComelon dan barang koleksi seperti bingkai foto magnetik yang menawan, kenderaan mainan dan set permainan, papan dan buku mewarna, patung mainan lembut, set makan dan botol air di kedai CoComelon.

Peminat digalakkan untuk berkongsi detik terbaik mereka di media sosial dengan menggunakan hashtag, #FunWithCocomelon dan #CocomelonAtRWG. Belanja RM200 dalam satu resit di kedai CoComelon untuk mendapatkan Buku Aktiviti Cocomelon yang boleh digunakan untuk menebus kemasukan ke playland. Pembelian stokin anti-slip pada harga RM8 adalah wajib untuk kemasukan ke playland. Untuk maklumat lanjut, log masuk ke [rwgenting.com](http://rwgenting.com) atau layari <https://www.facebook.com/ResortsWorldGenting/>.

– Tamat –

**For media enquiries, please contact:**

**Ms Melanie Ong**

Assistant Manager  
Corporate Communications & Public Relations  
Genting Malaysia Berhad  
Tel: (603) 6101 1118 ext : 59509  
Email: [melanie.ong@rwgenting.com](mailto:melanie.ong@rwgenting.com)

**Ms Lorehta Doreen Sritheran**

Executive  
Corporate Communications & Public Relations  
Genting Malaysia Berhad  
Tel: (603) 6105 9609  
Email: [lorehtadoreen.sritheran@rwgenting.com](mailto:lorehtadoreen.sritheran@rwgenting.com)

**About Genting Malaysia**

Genting Malaysia Berhad (GENM) is one of the leading leisure and hospitality corporations in the world. Listed on Bursa Malaysia, GENM owns and operates major resort properties including Resorts World Genting (RWG) in Malaysia, Resorts World New York City and Resorts World Catskills (which is 49%-

owned via an associate company) in the United States (US), Resorts World Bimini in the Bahamas, Resorts World Birmingham and over 30 casinos in the United Kingdom (UK) and Crockfords Cairo in Egypt.

With about 10,500 rooms across seven distinct hotels, RWG is Malaysia's premier integrated resort destination. The resort also features wide-ranging leisure and entertainment facilities, including gaming, theme park and amusement attractions, dining and retail outlets, as well as international shows and business convention facilities. Additionally, Genting Highlands Premium Outlets (a joint venture between Genting Plantations Berhad and Simon Property Group) at the mid-hill and Genting SkyWorlds, a first class, world-class theme park, further complement RWG's extensive premium offerings and exemplifies its position as a leading provider of leisure and entertainment in the region.

GENM is a member of the Genting Group, one of Asia's leading and best-managed multinational companies. The Genting Group is led by Tan Sri Lim Kok Thay, a visionary entrepreneur who has successfully established the Resorts World brand as a leader in the leisure and hospitality sector in Malaysia, Singapore, the Philippines, the US, the Bahamas and the UK. Tan Sri Lim Kok Thay also has significant investments in other industries globally including oil palm plantations, property development, power generation, oil and gas and biotechnology.